

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK KERTAS KERJA	:	Memohon Kelulusan Belanjawan Bagi Memperbaharui Sewaan Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Pantai Timur (WPT) di Tingkat 14 Menara Zenith, Kuantan Pahang
TARIKH	:	01 April 2020 – 31 Mac 2023
TEMPAT	:	Tingkat 14 Menara Zenith, Kuantan
KOS TERLIBAT	:	1. Sewaan ruang pejabat: RM13,544.30 sebulan (Kos 3 tahun: RM 487,594.80) 2. Sewa ruang parkir: RM1,100.00 sebulan (Kos 3 tahun: RM39,600.00) 3. Tambahan deposit sekuriti: RM3,693.90
JABATAN/BAHAGIAN/UNIT		MPC Wilayah Pantai Timur (ECR)
IMPLIKASI KEPADA RAKYAT	:	Menyediakan ruang kerja untuk MPC WPT menjalankan tugas dan memudahkan pelanggan untuk mengurus
BAKI AKHIR PERUNTUKAN/ TANDA TANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN/TANDA TANGAN PENGURUS UNIT PEROLEHAN	:	

**KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN KELULUSAN
LEMBAGA PENGURUSAN**

**MEMOHON KELULUSAN PERUNTUKAN BAGI MEMPERBAHARUI
SEWAAN PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
(MPC) WILAYAH PANTAI TIMUR (WPT) DI TINGKAT 14 MENARA
ZENITH, KUANTAN PAHANG**

1.0 TUJUAN

- 1.1. Tujuan kertas cadangan ini adalah untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan (BOM) MPC bagi memperbaharui sewaan pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Pantai Timur (WPT) Di Tingkat 14 Menara Zenith, Kuantan Pahang untuk tempoh tiga (3) tahun bermula 1 April 2020 sehingga 31 Mac 2023.
- 1.2. Peruntukan adalah dimohon untuk kos sewaan ruang pejabat dan kos sewaan ruang parkir untuk kegunaan warga sepanjang tempoh sewaan tersebut.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat MPC WPT telah menyewa premis di Tingkat 14, Menara Zenith untuk tempoh tiga (3) tahun bermula pada 1 April 2017 sehingga 31 Mac 2020 dengan kadar sewa sebanyak RM12,313.00 sebulan (RM2.80/kaki persegi).
- 2.2 Sewaan akan tamat pada 31 Mac 2020 dan kontrak penyambungan bagi tempoh tiga (3) tahun bermula 1 April 2020 sehingga 31 Mac 2023 perlu ditandatangani untuk MPC WPT terus beroperasi di premis ini dengan kadar sewaan sebanyak RM13,544.30 sebulan (RM3.08/ kaki persegi). Lampiran 1.
- 2.3 Kadar kenaikan ini telah dinyatakan dalam kontrak sewaan terdahulu yang bertarikh 20 April 2017.
- 2.4 Bagi kemudahan warga kerja MPC WPT, kemudahan ruang parkir disediakan dengan kos sewaan tidak berubah dari kos sewaan semasa iaitu sebanyak RM1,100 sebulan (2 fixed lot @RM150 dan 10 floating lot @RM80).

3.0 JUSTIFIKASI

- 3.1 Pembaharuan kontrak sewaan ini amatlah diperlukan sebagai pejabat operasi MPC di wilayah pantai timur. MPC WPT telah menyewa premis ini semenjak 2017 dan telah menjalankan renovasi serta pelanggan juga telah mengenalpasti kedudukan MPC WPT di premis ini.
- 3.2 Sekiranya kontrak ini tidak diperbaharui tempoh sewaannya, premis perlu dipulangkan dalam keadaan asal dan MPC WPT perlu menyewa di premis baharu.

4.0 ANGGARAN KOS

- 4.1 Kos sewaan bulanan sebanyak RM13,544.30 (RM3.08/ kaki persegi). Jumlah kos sewaan untuk tiga (3) tahun RM487,594.80.
- 4.2 Kos sewaan ruang parkir sebanyak RM1,100.00 sebulan. Jumlah kos sewaan untuk tiga (3) tahun RM39,600.00
- 4.3 MPC juga perlu membayar tambahan deposit sekuriti sebanyak RM3,693.90. Selain dari itu, terma adalah tidak berubah dari kontrak sedia ada.
- 4.4 Pecahan peruntukan perbelanjaan tahunan sepanjang tempoh sewaan adalah seperti jadual di bawah.

Bil	Perkara	1 Apr 2020 – 31 Dis 2020	1 Jan 2021 – 31 Dis 2021	1 Jan 2022 – 31 Dis 2022	1 Jan 2023 – 31 Mac 2023
1	Sewaan ruang pejabat	RM121,898.70	RM162,531.60	RM162,531.60	RM40,632.90
2	Sewaan ruang parkir	RM9,900.00	RM13,200.00	RM13,200.00	RM3,300.00
3	Tambahan deposit sekuriti	RM3,693.90	-	-	-
	JUMLAH	RM135,492.60	RM175,731.60	RM175,731.60	RM43,932.90

5.0 CADANGAN / SYOR

- 5.1 Adalah diharapkan agar pihak Lembaga Pengurusan MPC dapat meluluskan belanjawan bagi memperbaharui sewaan ruang pejabat Perbadanan

Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Pantai Timur (WPT) di Tingkat 14 Menara Zenith, Kuantan Pahang untuk tempoh tiga (3) tahun bermula 1 April 2020 sehingga 31 Mac 2023

Disediakan oleh:



(Mohd Azhar Zainuddin)
Penolong Pengurus
MPC ECR
Tarikh: 16 Januari 2020

Disemak oleh :



(Faridah Tajau Rahim)
Pengurus
MPC ECR
Tarikh: 16 Januari 2020


JASA IMANI SDN. BHD.

(Company No. 183562-M)

 Date: 15th January 2020

Ref: JISB/TA/L13A-A,B,C&D/MPC/RENEW/APRIL20-MARCH23/N

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

 Lorong Produktiviti Off Jalan Sultan,
 46200 Petaling Jaya,
 Selangor Darul Ehsan

RE: CONFIRMATION TO RENEW THE TENANCY AGREEMENT
PROJECT : PUTRA SQUARE ,KUANTAN
**LEVEL :13A- LOT A,B,C & D MENARA ZENITH, JLN. PUTRA SQUARE 6,
 Kuantan, PAHANG DARUL MAKMUR.**
LANDLORD : JASA IMANI SDN BHD
TENANT : PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

 Refer the above matter and Tenancy Agreement dated 20th April 2017.

 Kindly sign the below memorandum of acceptance if you are intending to continue the tenancy for the above said premises and return the same to us within seven days (7) days from the date of this letter. In the event we do not receive your memorandum of acceptance on or before the 21st January 2020, we deem you are no longer interested to renew the said tenancy. As such your tenancy with us will expire on the 31st March 2020.

MEMORANDUM OF ACCEPTANCE

We _____ Company No _____ hereby confirm my / our understanding and acceptance of the terms and conditions of your offer to renew the last term of tenancy as follows:-

 The Last Term of Tenancy : Three (3) Years from 01st April 2020 to 31st March 2023

 Monthly Rental : RM13,544.30 (*Ringgit Malaysia: Thirteen Thousand Five Hundred Forty Four and Cents Thirty Only*).

 Increase to RM3.08 per sq.ft. (Refer Tenancy Agreement Date 20th April 2017)

 Additional : Security Deposit RM3,693.90 (*Three Thousand Six Hundred Ninety Three and Cents Ninety Only*).

 Terms and Conditions : The rest of the terms and conditions should remained as referring to the Tenancy Agreement dated 20th April 2017

Yours Faithfully,

 SYAIFUL BIN NAYAN
 Admin Manager
 Marketing Department

Signed by Tenant,

 Name :
 Company Chop :
 Position: